

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OGOS 2023

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 31

### Jualan OPR dijangka kekal dalam tempoh setahun

TUKARAN ASING		
MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.58	4.585
1 EURO	5.0302	5.0375
1 DOLAR SINGAPURA	3.4042	3.4092
1 POUND UK	5.84	5.8482
100 RIAL SAUDI	122.0747	122.2341
100 RUPIAH INDO	0.0301	0.0301

# OPR dijangka kekal dalam tempoh setahun

Bagaimanapun bergantung kepada kadar inflasi yang kini terus dalam aliran menurun

KUALA LUMPUR

**B**ank Negara Malaysia (BNM) dijangka mengekalkan kadar dasar semalamans (OPR) pada 3.0 peratus bagi tempoh enam hingga 12 bulan akan datang, memandangkan inflasi keseluruhan dan inflasi teras menunjukkan trajektori menurun yang berterusan.

Penyelidikan oleh Kenanga Investment Bank Bhd bagaimanapun menjelaskan, dalam melihat ke hadapan, kemungkinan perubahan harga makanan

dan komoditi disebabkan ketidaktentuan dasar kerajaan, risiko geopolitik dan situasi cuaca boleh memberi kesan ketara ke atas unjuran inflasi.

"Oleh itu, BNM dijangka terus menggunakan pendekatan bergantung kepada data dalam proses membuat keputusan," menurutnya dalam nota penyelidikan pada Selasa.

Cabang penyelidikan bank pelaburan itu turut memaklumkan walaupun kenaikan ringgit kepada ambang RM4.50 bagi setiap dolar Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini adalah berjangka singkat (kini berlebar dalam julat RM4.54 hingga RM4.57) namun pihaknya mengekalkan pendirian neutral hingga kukuh terhadap trajektori mata wang tempatan bagi tiga hingga enam bulan akan datang berikutkan prospek dolar AS yang lemah.

"Indeks dolar AS diunjurkan mengalami aliran rendah iaitu kira-kira paras 95.0 pada suku keempat 2023 kerana



kami menjangkakan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) berubah pendirian dengan cenderung ke arah kadar faedah rendah ekoran dinamik disinflasi yang berterusan dan potensi kelemahan situasi pasaran buruh di AS," tambahnya.

Ringgit juga disokong oleh jangkaan pasaran yang semakin meningkat mengenai potensi peralihan dasar susulan

bacaan penurunan Indeks Harga Pengguna teras AS yang tidak dijangka bagi Jun.

Menurut penyelidikan Kenanga, walaupun begitu, mata wang tempatan mengalami tekanan daripada perbezaan hasil negatif yang semakin meluas antara bon kerajaan 10 tahun Malaysia dengan AS. - Bernama

Perubahan harga makanan dan komoditi disebabkan ketidaktentuan dasar kerajaan, risiko geopolitik dan situasi cuaca boleh memberi kesan ke atas unjuran inflasi.  
- Gambar hiasan